



DEWAN BANDARAYA KUCHING UTARA **(Jawatan Kosong)**

Permohonan dipelawa daripada Warganegara Malaysia yang bermastautin di Sarawak dan mempunyai kelayakan untuk mengisi jawatan berikut:

Bil. Iklan: DBKU/6/2023

1. a) **Jawatan:** Pegawai Undang-Undang Gred L41 (kontrak)
b) **Jabatan:** Dewan Bandaraya Kuching Utara
c) **Kumpulan Perkhidmatan:** Pengurusan Dan Profesional
d) **Klasifikasi Perkhidmatan:** Perkhidmatan Perundangan Dan Kehakiman
e) **Bahagian Yang Memerlukan:** Bahagian Hal -Ehwal Undang-Undang
2. **Jadual Gaji Pegawai Undang-Undang Gred L41:-**

Gaji Minimum	Gaji Maksimum
RM 2,418.00	RM 9,607.00
3. **Skop Tugas Utama**
 - a) Mengendalikan kes-kes litigasi dan pendakwaan Dewan Bandaraya Kuching Utara
 - b) Menyediakan surat cara dan dokumen perundangan
 - c) Memberi nasihat undang-undang
 - d) Melaksanakan tugas-tugas pentadbiran dan pengurusan.
 - e) Mendraf undang-undang

- d) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki **Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C)** dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

Syarat-syarat tambahan dan keutamaan diberikan kepada calon yang mempunyai kelayakan seperti berikut :-

- e) Mempunyai *Practising Certificate*.
- f) Berpengalaman kerja selama lima (5) tahun ke atas;
- g) Berpengalaman dalam bidang litigasi dan *conveyancing*;
- h) Berpengalaman dan mengendalikan kes-kes perbicaraan;
- i) Mempunyai kemahiran dalam membuat rundingan; dan
- j) Mempunyai pengetahuan dan kemahiran komputer dan aplikasi internet.

4. Syarat Lantikan:

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

- a) Warganegara Malaysia;
- b) Berumur tidak kurang dari 23 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
- c) (i) Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institut pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred L41; RM2,418.00) ; atau

- (ii) Lulus Peperiksaan Akhir Peguam (Bar Final Examination);
(Gaji permulaan ialah pada Gred L41; RM2,418.00)

Cara Memohon:

Calon yang berminat dan memenuhi syarat-syarat tersebut, adalah dipelawa untuk menghantar permohonan dengan **menulis surat besertakan ‘resume’ yang mengandungi butir-butir peribadi termasuk nombor telefon peribadi yang mempunyai aplikasi whatapps, kelayakan akademik, pengalaman kerja beserta sijil-sijil yang telah disahkan dan sekeping gambar berukuran pasport (tidak dikembalikan) kepada:-**

**Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
Dewan Bandaraya Kuching Utara
Tingkat 3, Bangunan DBKU
Bukit Siol, Jalan Semariang
Petra Jaya, 93050 Kuching**

Pemohon di kalangan kakitangan kerajaan hendaklah mengemukakan permohonan melalui Ketua Jabatan masing-masing berserta dengan perkara berikut:-

- a) Laporan Sulit
- b) Laporan Penilaian Prestasi bagi tiga (3) tahun terakhir
- c) Salinan Kenyataan Perkhidmatan

Tarikh Akhir Permohonan : 27 Oktober 2023

Catatan Am:

- (i) Permohonan yang tidak memenuhi syarat-syarat kelayakan dan tidak memberi maklumat dengan lengkap tidak akan dipertimbangkan.
- (ii) Hanya calon-calon yang layak selepas disenarai tapis sahaja yang akan dipanggil untuk temuduga.
- (iii) Pemohon-pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas tiga (3) bulan dari tarikh tutup iklan adalah dianggap tidak berjaya.